



AWIENAZ MUSTAFHA menganggap setiap rekaan gubahan bunga mempunyai jiwa tersendiri.

UTUSAN MALAYSIA

9/4/2018 p. 24

## Awienaz angkat keindahan orkid

**J**AMBANGAN bunga sememangnya cukup akrab dengan wanita, namun bukan bermakna kerja-kerja menggubah bunga milik mutlak golongan itu.

Sebagaimana bidang masakan, dunia gubahan bunga turut menyaksikan penguasaan kaum Adam, terutama apabila membabitkan kerja-kerja bertaraf profesional.

**Mohd. Nawawi Mustafha**, 40, atau lebih dikenali Awienaz, dalam senyap muncul antara penggubah bunga yang disegani.

Pelanggannya juga bukan calang-calang apabila membabitkan ramai

golongan kenamaan (VIP) dan selebriti termasuk penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza serta pelakon popular, Fasha Sandha.

Kelebihannya kerana, dia lebih menumpukan kepada gubahan bunga orkid yang disifatkan mempunyai kelas tersendiri berbanding bunga-bunga lain.

“Kalau bunga ros, kekwa, peony, lili dan sejenis dengannya lebih sinonim dengan feminin atau kelembutan, orkid pula adalah lambang status dan kemewahan.

“Sebab itu, hanya mereka yang benar-benar meminati orkid memahami keindahan di sebalik setiap gubahan,” katanya yang mahu dikenali dengan gelaran penata gaya bunga (*flower stylist*).

Pemegang Ijazah Sarjana Sains Biomedikal dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, melupakan terus bidang pengajian yang diikuti kerana minat lebih terarah kepada kerja-kerja kreatif, lebih-lebih lagi berkaitan landskap dan gubahan bunga.

“Sejak belajar di universiti lagi saya sudah ambil upah gubahan bunga untuk cari duit membaiayai pengajian.

“Tamak pengajian, saya perluas minat tersebut dengan berkerja sebagai pereka landskap. Boleh dikatakan, bidang



KENANGAN ketika menghasilkan bunga untuk kediaman Fasha Sandha.

pengajian saya langsung tidak ‘sentuh’.

“Sejak beberapa tahun lalu, saya menumpu pula kepada bidang menata gaya bunga untuk kediaman mahupun majlis-majlis tertentu,” kata anak sulung kepada 11 beradik itu.

Awienaz tidak kisah kalau pada mata orang lain, kerjaya tersebut nampak seperti tiada jaminan masa depan, tetapi melalui ‘kemahiran’ itulah dia mampu menanggung keluarga termasuk memberi pekerjaan kepada adik-adiknya.

Menariknya, dia tidak pernah belajar menggubah bunga di mana-mana, sebaliknya segala kemahiran datang dengan sendiri.

“Saya anggap kebolehan itu sebagai anugerah Tuhan, sebab itu saya tidak kisah berkongsi ilmu dengan orang lain. Saya buat tutorial gubahan bunga secara percuma di Facebook.

“Saya juga tidak kisah jika rekaan ditiru orang lain kerana setiap gubahan saya ada jiwanya tersendiri. Teknik atau rekaan mungkin boleh ditiru, tapi jiwa mereka tidak boleh ikut.

“Sebab itu, kalau diperhati setiap rekaan saya tidak akan sama, pasti ada sahaja kelainan bergantung kepada idea yang muncul pada waktu itu,” katanya yang boleh menyiapkan 50 hingga 100 gubahan sehari.

Jumlah itu biasanya dibuat apabila dia menyertai pameran atau promosi jualan yang lazimnya akan mendapat sambutan menggalakkan.

Apa yang pasti gubahan bunga Awienaz telah menjangkau hingga ke luar negara menghiasi rumah-rumah kenamaan di kota London, Jepun, Indonesia dan Dubai.

Bagi yang ingin menyaksikan keindahan gubahan bunga oleh jejaka ini boleh melayari Facebook, *Awienaz Mustafha*.